

TARIKH	JUMAAT, 1 JULAI 2022
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	JAS TERIMA 189 ADUAN PEMBAKARAN TERBUKA
M/S	12
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	POLLUTION

Jas terima 189 aduan pembakaran terbuka

Georgetown: Jabatan Alam Sekitar (Jas) Pulau Pinang menerima 189 aduan pembakaran terbuka di seluruh negeri ini sejak Januari hingga 20 Jun lalu.

Pengarah Jas Pulau Pinang Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, masalah pembakaran terbuka mewakili lebih 60 peratus daripada jumlah keseluruhan 465 aduan awam sepanjang tempoh berkenaan.

Menurutnya, lapan aduan diterima membabitkan kebakaran di kawasan kebun, belukar (9), hutan (3), sampah-sarap (116) dan kebakaran membabitkan tapak

pelupusan sampah (10).

“Setiap aduan yang diterima akan disiasat selain pihak kami turut melakan pemantauan berjadual menggunakan tiga dron dengan jangkauan kawasan liputan minimum sejauh satu kilometer dengan ketinggian 500 meter.

“Pekebun dan penternak di negeri ini berdepan dengan tindakan kompuan sekiranya gagal memastikan kawalan kesela-

matan kebun atau ladang masing-masing daripada pembakaran terbuka,” katanya ketika ditemui selepas Taklimat Isu

Pencemaran Pembakaran Terbuka Bersama Pekebun di Pusat Agro Pelancongan Relau di sini.

Sharifah Zakiah berkata, masalah pencemaran bunyi merupakan aduan kedua tertinggi diterima pihaknya iaitu sebanyak 360 aduan diikuti pencemaran air (30), bunyi bi-

sing (20), pembuangan barang terjadual secara haram (6) dan tumpahan minyak atau pencemaran marin (1) dan lain-lain aduan (45).

“Terdapat beberapa kes aduan bunyi bising yang tidak membabitkan bidang komersial misalnya berlaku di kawasan perumahan akan dirujuk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk tindakan lanjut.

“Bagi aduan pencemaran udara membabitkan isu pelepasan asap membabitkan pengguna kenderaan bermotor di jalan raya, pihak kami akan mengadakan operasi,” katanya.

“
Terdapat beberapa kes aduan bunyi bising tidak babitkan bidang komersial
Sharifah Zakiah

DISEDIAKAN OLEH	1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	---